

11 OCT 2001

MICROSOFT-R&D

MICROSOFT LABUR RM19 BILION DLM R&D

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Microsoft Corporation komited untuk membelanjakan lebih AS\$5.0 bilion (RM19 bilion) bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam tahun kewangan semasanya untuk memajukan teknologi canggih dan platform rangkaian bagi aplikasi perniagaan kritikal.

"Tumpuan kami terhadap pembangunan produk tidak perlu dipersoalkan lagi: itulah sebabnya mengapa kami melabur dengan jumlah yang besar," kata naib presiden eksekutif kumpulan perusahaan dan rakan kongsi (EPG) Microsoft, Charles Stevens, di taklimat media di sini, hari ini.

Mengenai "perniagaan perusahaan" Microsoft, Stevens berkata ia masih lagi kukuh dan berkembang sebanyak 30 peratus dalam jualan tahun lalu meskipun keadaan ekonomi yang serba mencabar.

"Saya tidak mahu memberi sebarang unjuran kepada anda tetapi kami berharap dapat berkembang dengan margin yang lebih besar (dari segi jualan) tahun ini," katanya.

Stevens, yang berada di Malaysia sempena persidangan Microsoft Asia Fusion 2001 yang bermula hari ini berkata, Microsoft komited untuk bekerjasama dengan rakan kongsi industri dalam setiap pasaran di mana ia beroperasi, bagi membina kemahiran dan pengetahuan.

Ini akan membolehkan syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) dan pemaju-pemaju perisian untuk membina penyelesaian perniagaan strategik bagi pelanggan bersama mereka, katanya.

"Kami tidak mungkin berjaya tanpa menjalin perkongsian: itulah sebabnya mengapa kami perlu rapat dengan rakan kongsi kami untuk menjelaskan strategi kami kepada mereka (pelanggan dan rakan kongsi perusahaan) dan juga mendapatkan maklum balas daripada mereka," kata Stevens.

Beliau berkata strategi serampang tiga mata Microsoft untuk melibatkan rakan kongsi industri dan perusahaannya telah diuji dan terbukti berjaya di banyak pasaran seluruh dunia untuk meningkatkan peluang perniagaan bagi syarikat serta rakan kongsi perusahaannya.

Menurutnya, persidangan dua hari (dianjurkan di Malaysia buat pertama kalinya tahun ini) telah mengumpulkan 750 rakan kongsi perusahaan Microsoft, termasuk Penyedia Penyelesaian Diperakui Microsoft, Rakan Kongsi Global, Vendor Perisian Bebas, penyedia Perkhidmatan Aplikasi dan Penjual Semula di seluruh rantau Asia.

Stevens juga mengulangi wawasan korporat Microsoft di mana ia melibatkan usaha membantu memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia, seperti yang disampaikan secara peribadi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu oleh naib-presiden Microsoft Michael Rawding.

"Microsoft mempunyai hubungan istimewa dengan Malaysia, dan terdapat hubungan baik antara pengurusinya Bill Gates dengan Perdana Menteri di sini apabila mereka sering bertemu sejak beberapa tahun ini dan Microsoft adalah penyokong kuat kepada wawasan Malaysia untuk menjadi sebuah pusat teknologi yang unggul," katanya.

Justeru, beliau berkata, syarikat pembangunan perisian itu membuat satu "pelaburan besar dan memberikan komitmen yang tinggi" kepada MSC.

Sementara itu, Microsoft (M) Sdn Bhd menyatakan RM22 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 12 bulan akan datang untuk melatih pemaju perisian tempatan bagi membiasakan diri dengan (bahasa program XML) serta menyediakan "kesinambungan IT" kepada rumah anak-anak yatim negara ini.

XML adalah bahasa pengantar baru perisian dan perkhidmatan web yang

direka bagi pertukaran data.

Pengarah urusan Microsoft Malaysia Butt Wai Choon berkata pusat Perkhidmatan Web XML syarikat di Cyberjaya menyediakan kemudahan yang ideal bagi menguji aplikasi perisian.

"Sebahagian besar daripadanya (pelaburan itu) adalah untuk melatih sehingga 9,000 profesional IT pada Julai 2002, di mana kami mensasar untuk melatih 3,000 di Pusat Perkhidmatan Web XML," katanya.

Beliau berkata sebahagian daripada pelaburan itu akan disalurkan kepada rumah anak-anak yatim di mana setakat ini ia telah memberikan kepada 35 rumah anak-anak yatim di Lembah Klang.

Bagi program "untuk rumah anak-anak yatim" kami bekerjasama dengan Lions Club dari Cyber Care, di mana sasaran kami adalah untuk menyediakan kepada 117 rumah anak-anak yatim," katanya. -- BERNAMA

ER SEL ZK